



COVID-19 Emergency Preparedness and Response Guidelines

COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

(Revision 3, 11th April 2020)

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	2 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

1.0 Objektif

SOP ini menggariskan Garis Panduan COVID-19 – Persediaan dan Tindakan Kecemasan.

2.0 Skop

SOP ini berfungsi untuk membimbing PIC (person-in-charge), Kakitangan, Pekerja, Kontraktor, Pengunjung, Pembekal dan Pemastautin untuk operasi ladang dan kilang Malaysia Timur. Di mana berkenaan, sebahagian daripada dokumen ini akan digunakan untuk Sandakan Regional Office (SRO) dan Bintulu Office (BO).

SOP ini hanya akan digunakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan COVID - 19 dan / atau apabila terdapat sebab yang munasabah dan kebimbangan mengenai kemungkinan pendedahan kepada COVID-19 di tempat kerja.

Arahan tambahan daripada Kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan haruslah dipatuhi, sekiranya terdapat sebarang percanggahan perlaksanaan di dalam SOP ini, maka arahan pihak Kerajaan akan terguna pakai.

3.0 Garis panduan dan prosedur

3.1 Masa bekerja

Untuk mengurangkan / meminimumkan perhubungan di kalangan kakitangan / pekerja, masa kerja dijadualkan semula seperti berikut:

a) Pekerja dilapangan
6.00 pagi - 2.00 petang (seperti biasa)

b) Kakitangan dilapangan
6.00 pagi - 2.00 petang (di lapangan)
3.30 petang - 4.30 petang (di pejabat)

(PIC perlu menggalakkan kakitangannya untuk menghadkan kerja pejabat mereka)

c) Kakitangan pejabat dan pegawai.
Kumpulan A:
7.00 pagi - 12.00 petang (di pejabat)
12.00 petang - 5.00 petang (di rumah)

Kumpulan B:
7.00 pagi - 12.00 petang (di rumah)
12.00 malam - 5.00 petang (di pejabat)

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	3 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

Kumpulan pekerja ini hendaklah ditentukan oleh atasannya.

(Aturan ini hanya terpakai kepada Ladang dan Kilang di mana bilangan kakitangannya yang ramai di dalam satu pejabat atau / kompleks ladang / kilang dan terletak dikawasan yang tidak terpencil atau risiko orang luar yang sukar dipantau memasuki kawasan tersebut adalah tinggi)

Walau bagaimanapun, kakitangan dan pegawai yang bekerja di rumah (perumahan ladang/ perumahan ladang) mestilah datang ke pejabat jika diminta oleh atasannya. Telefon bimbit mudah alih mesti sentiasa aktif dan dapat dihubungi.

d) Pengurus dan ke atas

- i) Masa yang fleksibel dan aturan kerja boleh dibuat terlebih dahulu bersama dengan orang bawahannya.
- ii) Beliau mesti dapat datang ke pejabat jika diminta oleh atasannya. Telefon bimbit mudah alih mesti sentiasa-aktif / dapat dihubungi.

3.2 Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan

- 1) **Pemeriksaan kesihatan wajib** - Sepanjang operasi berlaku dalam tempoh ini, semua pekerja dan kakitangan tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan harian sebelum memulakan kerja atau memasuki premis. Sesiapa yang dikenalpasti mempunyai suhu melebihi 38 °C tidak dibenarkan bekerja.
- 2) **Pemeriksaan kesihatan PIC** - kakitangan atau kaitangan klinik yang melakukan pemeriksaan kesihatan, pemantauan atau temubual hendaklah memakai PPE (penutup mulut dan hidung, sarung tangan khas) yang betul, mengekalkan jarak 1 Meter dari subjek, basuh tangan menggunakan sabun atau sanitizer sebelum dan selepas menjalankan pemeriksaan kesihatan. PIC tersebut juga tertakluk dengan pemeriksaan kesihatan harian.
- 3) **Penyimpanan Rekod** - Rekod pekerja dan pemeriksaan penduduk perumahan mesti disimpan untuk tujuan penyimpanan rekod oleh PIC. Akses kepada data ini hendaklah disimpan secara sulit dan hanya diberikan kepada kakitangan tertentu untuk keperluan mereka sahaja.

3.2.1 Ladang dan Kilang

1) Ladang

- a) Semasa pengambilan kehadiran pada sebelah pagi, semua pekerja dan kakitangan tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan harian menggunakan termometer khas (yang tidak melibatkan sentuhan) dan juga pemeriksaan untuk tanda-tanda COVID-19 (Sila rujuk lampiran 1 untuk mengenalpasti simptom COVID-19 dan lampiran 6 untuk prosedur bagaimana melakukan pemeriksaan suhu). Sekiranya termometer bukan sentuhan (non-contact) tidak tersedia,

COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

termometer biasa boleh digunakan dengan menggunakan kaedah pembasmian yang betul.

- b) Semasa pengambilan kehadiran pada waktu pagi, pemeriksaan kesihatan dan semasa bekerja, setiap pekerja dan kakitangan hendaklah mengekalkan "jarak sosial" lebih daripada 1 meter kepada orang yang berdekatan dengannya.
- c) Pekerja harus diingatkan untuk menjaga kebersihan diri, dan mengekalkan "jarak sosial" lebih daripada 1 meter kepada orang yang berdekatan dengannya bekerja.
- d) Mana-mana pekerja yang dikenal pasti menunjukkan simptom akan diberikan akses kepada rawatan perubatan dengan segera, atau dikuarantin jika akses perubatan tidak tersedia.
- e) Semasa pengambilan kehadiran pekerja sebelah pagi, pekerja juga harus digalakkan dan diingatkan secara lisan untuk membuat laporan sekiranya mereka tidak sihat atau mana-mana ahli keluarga terdekat yang tinggal bersama kepada PIC. Mana-mana pekerja yang secara sukarela melaporkan bahawa mereka berasa tidak sihat juga akan diberikan akses kepada rawatan perubatan atau dikuarantin jika mereka menunjukkan symptom.
- f) Pekerja yang tidak sihat dan telah melaporkannya kepada pihak atasan tidak perlu datang bekerja.

2) Kilang

- a) Semua pekerja kilang tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan apabila memasuki operasi kilang dengan menggunakan termometer bukan sentuhan, dan juga pemeriksaan untuk tanda-tanda COVID-19 (penggunaan pengimbas / kamera IR industri yang dikalibrasi juga dibenarkan untuk penyaringan untuk jumlah orang yang ramai). Di mana termometer bukan sentuhan tidak tersedia, termometer sentuhan boleh digunakan dengan cara pembasmian atau sanitasi yang betul.
- b) Mana-mana pekerja yang dikenal pasti menunjukkan simptom akan diberikan akses kepada rawatan perubatan dengan segera, atau dikuarantin jika akses perubatan tidak tersedia.
- c) Semasa pengambilan kehadiran pada setiap shif, pekerja juga harus digalakkan dan diingatkan secara lisan melaporkan jika mereka berasa tidak sihat atau ahli-ahli keluarga terdekat yang tinggal bersama ke PIC. Mana-mana pekerja yang secara sukarela melaporkan bahawa mereka berasa tidak sihat juga akan diberikan akses kepada rawatan perubatan atau dikuarantin jika mereka menunjukkan simptom.
- d) Pekerja yang tidak sihat dan telah melaporkannya tidak perlu datang bekerja.

3.2.2 Penghuni perumahan

- a) 3 hari sekali PIC Ladang / Kilang' perlu menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada semua penghuni perumahan (Ahli keluarga / saudara-mara, dan lain-lain) menggunakan termometer (bukan sentuhan), dan juga pemeriksaan

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	5 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

terhadap simptom COVID-19. Rekod-rekod pemeriksaan kompleks perumahan hendaklah disimpan untuk tujuan penyimpanan rekod.

- b) Semua pekerja / penduduk harus menandatangani satu salinan borang perisytiharan kesihatan (seperti di lampiran 2).

3.3 Pengurusan untuk pesakit COVID-19 yang disyaki / disahkan

- a) Mana-mana pekerja yang didapati menunjukkan suhu badan $\geq 38^{\circ}\text{C}$ atau mengalami simptom pernafasan (sesak nafas, batuk atau sakit tekak) hendaklah dihantar untuk rawatan perubatan dengan segera, dan tidak dibenarkan masuk ke dalam premis kerja atau datang bekerja.
- b) Jika pekerja yang disyaki bersentuhan ataupun berhubung secara dekat dengan orang yang disahkan positif COVID-19, Orang Di bawah Siasatan (PUI), menghadiri perkumpulan jemaah (penganjur yang disahkan sebagai positif COVID - 19), mereka hendaklah mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital terdekat dan PIC untuk mendapatkan nasihat dari KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia).
- c) Bagi yang dikenalpasti dalam kategori a) dan b), pekerja tersebut harus dikuarantin sehingga mereka dapat dihantar untuk rawatan perubatan. Ini terutamanya untuk lokasi operasi lebih dari 2 jam perjalanan dari hospital kerajaan terdekat dengan kemudahan rawatan Covid-19. Sila rujuk senarai Hospital Kerajaan Kerajaan dengan kemudahan rawatan Covid-19 Malaysia Timur di Lampiran 5.
- d) Operasi ladang dan kilang harus berusaha sebaik mungkin untuk menyediakan kemudahan tempat kuarantin jika situasi (a) dan (b) ditemui. Kuarantin bermakna tiada hubungan / sentuhan dengan sesiapa pun, walaupun dengan ahli keluarga mereka.
- e) Pekerja mestilah mematuhi arahan "arahan tinggal di rumah " selepas mendapatkan nasihat dari KKM, pemantauan harian pekerja hendaklah dijalankan oleh kakitangan klinik
- f) Ladang / kilang harus memberikan bantuan yang diperlukan kepada orang atau keluarga yang dikuarantin.
- g) Jika kes disyaki atau positif COVID-19 dilaporkan, semua kemudahan yang digunakan, tempat kerja atau tempat yang dilawati oleh orang itu perlu segera ditutup dan pembasmian atau sanitasi dilakukan. Sila dapatkan nasihat KKM mengenai prosedur pembasmian ataupun dapatkan bantuan daripada mereka. Penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut hanya boleh dilakukan selepas pembasmian atau sanitasi dijalankan. Tidak dibenarkan sesiapa menggunakan ataupun berada di kawasan tersebut. Sekiranya kemudahan-kemudahan tersebut berada di kawasan perumahan, seluruh kawasan perumahan perlu dikuarantin dan dibersihkan (pembasmian atau sanitasi). Penduduk di sekitar kawasan tersebut perlu disaring untuk COVID-19 oleh KKM (ujian hanya dijalankan selepas mendapat nasihat daripada KKM).

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	6 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

- h) Jika terdapat kes kemungkinan COVID-19 dilaporkan, semua kemudahan (termasuk perumahan, kedai pakaian, tempat ibadat, tandas dan kawasan awam lain) – pembasmian atau sanitasi hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya dua kali seminggu menggunakan pembersih pembasmi kuman berasaskan alkohol.
- i) Jika kes COVID-19 dilaporkan positif, pembasmian atau sanitasi harus dilakukan setiap hari menggunakan disinfektan berasaskan alkohol (termasuk perumahan, kedai runcit kecil, surau, tempat ibadat, tandas dan kawasan awam lain).

3.4 Penutupan kemudahan

- a) Dalam tempoh ini, kemudahan seperti pusat asuhan kanak-kanak, sekolah Humana, CLC, masjid, surau, gereja, dewan komuniti dan rumah kelab hendaklah ditutup.
- b) Semua bentuk latihan tidak dibenarkan semasa tempoh ini. Ini termasuklah pusat latihan IPAS.
- c) Mana-mana unit operasi yang terletak di kawasan terpencil dan tiada kemungkinan untuk orang luar masuk ke dalam ataupun pergerakan pekerja boleh dipantau / dilarang / dikawal, pihak pengurusan boleh mempertimbangkan untuk meneruskan operasi pusat jagaan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, keputusan ini mesti diluluskan di peringkat atasan (Plantation Head) berdasarkan justifikasi dan penilaian risiko yang disediakan.
- d) Semua Rumah tetamu (guest house) dan padang golf ditutup untuk pelawat luar.
- e) Apabila terdapat arahan semua operasi perlu diberhentikan dari kerajaan, ia hendaklah dipatuhi tetapi operasi seperti di bawah yang melibatkan perkhidmatan perlu boleh diteruskan: -
 - i. Keselamatan
 - ii. Loji Penapis air
 - iii. Klinik
 - iv. Rondaan keselamatan
 - v. Janakuasa
 - vi. Memasak dan penyediaan makanan (rumah rehat)
 - vii. Pengangkutan barangan perlu (makanan)
 - viii. Penyiraman tapak semaian
 - ix. Kes-kes kecemasan (penghantaran orang sakit)
 - x. Pemantauan kesihatan

3.5 Upah pekerja dan kakitangan sepanjang tempoh ini

- a) Di mana kerja yang ditawarkan tidak memenuhi atau mencapai upah minimum, ia hendaklah ditambah jika memenuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Panduan Gaji Minimum PPBOP.

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	7 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

- b) Pekerja di bawah “arahan tinggal dalam rumah” dan kuarantin hendaklah dibayar gaji minimum.
- c) Kakitangan di bawah “arahan tinggal dalam rumah” dan kuarantin hendaklah dibayar gaji seperti biasa.
- d) Pekerja / kakitangan yang telah dikenalpasti sebagai positif COVID-19 hendaklah dibayar sebagai cuti sakit.
- e) Semasa hari pembayaran gaji, pihak pengurusan hendaklah mengambil kira keselamatan, cara pembayaran dan pergerakan pekerja.

3.6 Menggalakkan mengambil cuti

Pekerja / kakitangan yang berasa tidak selesa untuk bekerja, mereka boleh mengambil cuti tahunan dan tinggal di rumah masing-masing.

3.7 Pekerja Asing pulang dari cuti panjang (Indonesia / Filipina)

- a) Semua pekerja yang kembali dari cuti panjang selepas 18 Mac 2020 mesti patuh dengan arahan "Arahan Tinggal Dalam Rumah " di rumah mereka selama 14 hari sebelum mula bekerja. Kakitangan Klinik hendaklah memantau mereka dalam tempoh masa tersebut. Pemantauan harian seperti simptom dan suhu badan mesti dijalankan dan direkodkan tanpa gagal.
- b) Oleh kerana kawalan sempadan imigresen berkuatkuasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan, Pengurus Ladang dan Kilang hendaklah memaklumkan pekerja mereka untuk tidak melaporkan tugas atau kembali ke Malaysia dalam tempoh masa ini iaitu 18 - 14 April 2020 atau untuk tempoh PKP berkuatkuasa

3.8 Pengambilan baru

Pengambilan pekerja baru tidak dibenarkan dalam tempoh ini.

3.9 Melaksanakan perintah pergerakan terhad yang diperintahkan oleh kerajaan pergerakan pekerja dan kakitangan

- 1) Semua tempat kerja dalam kompleks kilang dan ladang perlu menghadkan bilangan pekerja di mana-mana tempat kerja.
- 2) Hanya kerja-kerja yang penting atau perlu sahaja dibenarkan. Ini termasuk:
 - a) Pemprosesan kilang,
 - b) Penuaian FFB, termasuk pengutipan biji lerai,
 - c) Pengangkutan FFB,

COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

- d) Pengalihan FFB,
 - e) Keselamatan,
 - f) Operasi genset,
 - g) Loji rawatan air,
 - h) Memasak dan menyediakan makanan,
 - i) Penyelenggaraan dan pemeliharaan operasi Kakitangan yang penting,
 - j) Pengangkutan dalaman,
 - k) Tapak semaian benih kelapa sawit,
 - l) Penjualan makanan, bahan makanan dan runcit.
- 3) Penghantaran pekerja ke tempat kerja perlu dikurangkan berdasarkan pengurangan hubungan / sentuhan di dalam ruang terkurung (iaitu tidak terlalu ramai dalam satu kenderaan atau ≤ 20 orang)
 - 4) Jikalau boleh, pekerja / kakitangan dinasihatkan untuk membeli barangan dan barang runcit di kedai-kedai runcit dalam Kakitangan. Kelulusan daripada Pengurus diperlukan apabila melakukan pembelian di luar Kakitangan.
 - 5) Lawatan ke pasar awam, pasar hari/siang, pasar malam ataupun tamu tidak dibenarkan.
 - 6) Semua kegiatan sosial dalam skala besar adalah dilarang, seperti acara sukan, kenduri, upacara pernikahan, Kaamatan, pertemuan keagamaan, hari keluarga, hari buruh, dll.
 - 7) Saudara mara atau orang yang mempunyai hubungan keluarga (dari luar) tidak digalakkan untuk datang ataupun melawat ahli keluarga mereka kecuali dengan izin terlebih dahulu daripada pengurus dan hanya untuk kes kecemasan. (bilangan had dibenarkan - kurang daripada 5 orang dan tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan dan mengisi borang pengisytiharan kesihatan). Pekerja yang dikuarantinkan dan "Arahan Tinggal Dalam Rumah" tidak dibenarkan menerima pengunjung kecuali PIC atau kakitangan klinik yang melakukan pemeriksaan Kesihatan.
 - 8) Pergerakan kakitangan / PIC ke unit-unit operasi lain tidak digalakkan. Kakitangan/PIC adalah digalakan meneruskan kerja di "kawasan" masing-masing dan menghadkan perjalanan ke unit operasi kerja kecuali kehadiran mereka diperlukan. Terhad kepada satu orang.
 - 9) Hanya pekerja atau kontraktor yang mempunyai pengenalan "Kad Pengenalan Wargakerja", "Pas Khas Kontraktor" dibenarkan memasuki premis syarikat. (rujuk kepada lampiran 3 & 4).

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	9 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

- 10) Semua pintu masuk utama ditutup selepas jam 6.00 petang. Pergerakan tidak dibenarkan tanpa kelulusan kecuali kenderaan syarikat atau untuk kes-kes kecemasan.
- 11) Pekerja / kakitangan harus melaporkan kepada pihak pengurusan sekiranya mereka telah menghadiri mana-mana acara atau keramaian yang besar.
- 12) Pekerja / kakitangan hendaklah tinggal di rumah dan menghadkan pergerakan mereka selepas waktu bekerja.
- 13) Mana-mana jalan syarikat digunakan oleh komuniti berdekatan, mereka dibenarkan untuk menggunakan jalan tersebut tetapi tidak dibenarkan untuk singgah ataupun melawat / masuk pekerja / kakitangan / pejabat.
- 14) Semua audit Dalaman (internal audit) ditangguhkan buat sementara waktu.
- 15) Pengurusan atasan, Pengurus, Orang Bertanggungjawab (PIC) dan kakitangan penting digalakkan untuk tidak mengambil cuti dalam tempoh ini.

3.10 Kerja-kerja QC EMU

QC hanya akan dilakukan untuk: -

SABAH

- a) *Mill' losses sampling*- dihadkan di Kilang Sawit Terusan, Reka Halus dan Sapi
- b) QAMS, audit baja & Penggredan FFB – Ladang Sapi, Terusan, Reka Halus & Kiabau
- c) Penggredan FFB di kilang dihentikan sementara.

SARAWAK

- a) *Mill' losses sampling* - dihadkan di Kilang Sawit Saremas 1, Saremas 2 & Suburmas
- b) QAMS, audit baja & Penggredan FFB - Suai, Saremas 1, Saremas 2, Segarmas & Kaminsky
- c) Penggredan FFB di kilang dihentikan sementara.

(PIC perlu memberi nasihat kepada kakitangan dan pekerja QC untuk tidak berhenti di mana-mana tempat dan harus terus kembali menuju ke EMU selepas selesai kerja)

3.11 Penggunaan topeng muka dan sarung tangan

Keperluan memakai penutup mulut dan hidung dan sarung tangan yang sesuai (3 ply mask, penutup mulut & hidung N95, sarung tangan nitril atau sarung tangan bedah/surgical) seperti di bawah.

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	10 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

Bagi pekerja, semua ini akan disediakan oleh syarikat. Bagi kakitangan, penyediaan penutup mulut dan hidung dan sarung tangan akan mengikut dengan apa yang sedia ada. Kebersihan tangan yang betul mesti diamalkan walaupun dengan menggunakan penutup mulut dan hidung dan sarung tangan: -

1. Jika seseorang merasa kurang sihat tetapi masih boleh bekerja, pekerja (kakitangan dan pekerja) perlu memakai penutup mulut dan hidung. Adalah disyorkan agar semua pekerja yang tidak sihat digalakkan untuk mengambil Cuti Sakit.
2. Pembersih rumah, pemandu, pembantu rumah, tukang masak dan anggota keselamatan dikehendaki memakai penutup mulut dan hidung dan sarung tangan sepanjang masa mereka bertugas.
3. Semua kakitangan klinik syarikat yang mengendalikan pesakit, menjalankan pemantauan ataupun pemeriksaan mestilah memakai penutup mulut dan hidung sarung tangan dan sarung tangan setiap masa semasa bertugas.
4. Semasa membuat pemeriksaan kesihatan, temubual/soalsiasat atau pemantauan, penutup mulut & hidung dan sarung tangan hendaklah digunakan.
5. Kakitangan dan pekerja yang berurusan dengan pihak luar seperti pembekal FFB, pengangkutan FFB, Pengangkutan Minyak, Pengangkutan PK, pekebun kecil atau pembekal, dimestikan memakai penutup mulut dan hidung.
6. Kakitangan dan pekerja yang menjalankan kerja-kerja pembasmian atau sanitasi hendaklah memakai penutup mulut & hidung, sarung tangan dan mana-mana PPE yang diperlukan seperti yang dinyatakan di oleh label dan dalam Lembaran Data Keselamatan (SDS). Jika ada kes positif Covid-19, orang yang menjalankan kerja-kerja pembasmian atau sanitasi hendaklah memakai pakaian "cover all".

3.12 Pengurusan Klinik

1. Semua kakitangan klinik mesti menggunakan PPE (misalnya sarung tangan, penutup mulut dan hidung dan cermin mata) semasa memeriksa pesakit dan memberi rawatan.
2. Semua pesakit / pelawat hendaklah mencuci tangan dan suhu badan mereka diambil sebelum boleh masuk kedalam klinik.
3. Semua instrument hendaklah dibasmi kuman.
4. Ambulans hendaklah sentiasa dalam keadaan bersiap sedia (stand-by).
5. Ambulans atau kenderaan yang digunakan untuk menghantar orang yang disyaki positif COVID-19 perlu dibersihkan dengan pembasmi kuman.

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	11 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

6. Pesakit yang disyaki atau menunjukkan simpton Covid-19 perlu dirujuk ke Hospital dengan segera.
7. Alat bantuan pernafasan atau alat pernafasan perlu dalam keadaan sedia di dalam klinik untuk kes kecemasan.
8. Kakitangan klinik - cuti tahunan digantung dalam tempoh ini.

3.13 Pelawat dan Pembekal

1. Pengunjung dan pembekal masuk ke dalam premis syarikat adalah terhad kepada keperluan kritikal sahaja.
2. Semua pelawat akan diperiksa menggunakan termometer bukan sentuhan untuk demam, dan juga untuk simpton COVID-19 pada pintu masuk (pondok keselamatan).
3. Mana-mana pelawat / pembekal yang didapati menunjukkan simpton tidak akan dibenarkan masuk ke dalam ladang dan kilang, dan kawasan perumahan.
4. Mana-mana pelawat atau pembekal didapati menunjukkan simpton - maklumat berikut akan direkod dan diberikan kepada pihak berkuasa kesihatan jika diperlukan:
 - i. Nama penuh seperti IC / passport
 - ii. Nombor IC / pasport mengandungi maklumat ini akan mencukupi
 - iii. Alamat kediaman
 - iv. Tarikh simpton direkodkan
 - v. Tempat pelawat / pembekal dilarang masuk

Gambar IC / pasport orang itu yang mengandungi maklumat

3.14 Pembekal FFB dan Pengangkut FFB

1. Semua pembekal dan pengangkut FFB akan disaring menggunakan termometer bukan sentuhan untuk demam, dan juga untuk simpton COVID-19 pada pintu masuk.
2. Mana-mana pembekal dan pengangkut FFB yang didapati menunjukkan simpton tidak dibenarkan masuk ke operasi ladang, kilang, dan kawasan perumahan.
3. Di mana pengunjung atau pembekal didapati menunjukkan simpton - maklumat berikut akan direkodkan dan diberikan kepada pihak berkuasa kesihatan jika diperlukan:
 - i) Nama penuh mengikut IC / passport
 - ii) IC / pasport nombor
 - iii) Alamat kediaman

Gambar IC / pasport orang itu mengandungi maklumat ini

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	12 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

- iv) Simptom tarikh dirakam
- v) Tempat pembekal / pengangkut dilarang masuk
- 4. Pembekal dan Pengangkut FFB tidak dibenarkan memasuki pondok penimbang buah, pejabat atau mana-mana kawasan lain yang tidak sepatutnya dimasuki.
- 5. Wakil kilang perlu menghadkan hubungan atau interaksi dengan pembekal dan pengangkutan buah/minyak.

3.15 Papan tanda amaran dan maklumat lain COVID-19

Tanda amaran dan maklumat yang sesuai perlu ditempatkan di tempat yang strategik. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada: -

- a) Keperluan untuk pemeriksaan kesihatan.
- b) Larangan melawat.
- c) Masa buka dan tutup di semua pintu masuk.
- d) Maklumat umum mengenai COVID-19.
- e) Keperluan pelaporan (pengisytiharan kesihatan, rasa tidak sihat, sebab untuk mempercayai bahawa dia dijangkiti COVID - 19, mempunyai simptom dan sebagainya)
- f) Amalan kebersihan diri yang baik
- g) Sebarang keperluan lain sebelum memasuki kemudahan kami.

3.16 Langkah berjaga-jaga

3.16.1 Kemudahan Pejabat

1. Semua pejabat hendaklah dilengkapi dan disediakan dengan kemudahan basuh cuci tangan dengan air paip, sabun tangan dan disinfektan yang terletak berdekatan dengan pintu masuk utama.
2. Semua kakitangan, pengunjung atau pekerja mesti tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan menggunakan termometer bukan sentuhan dan juga saringan simptom COVID-19.
3. Rekod saringan hendaklah didokumentasikan/disimpan untuk tujuan penyimpanan rekod.
4. Semua kakitangan, pengunjung atau pekerja yang dikenal pasti menunjukkan simptom tidak dibenarkan masuk pejabat dan akan diberikan akses kepada rawatan segera, atau dikuarantin jika akses perubatan tidak tersedia.

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	13 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

5. Kakitangan pejabat perlu mengekalkan "jarak sosial" dengan orang lain.
6. Jika boleh, semua pekerja, pelawat dan/atau kontraktor yang hendak berurusan di pejabat, ianya hendaklah dilakukan di luar pejabat. Dilarang masuk kedalam pejabat.
7. Ventilasi – hendaklah melakukan pengudaraan sekurang-kurangnya 1 jam setiap hari, semua tingkap hendaklah dibuka sepenuhnya.

3.16.2 Kedai/Kedai kecil/Kedai Ladang/Klinik/Pondok Pengawal/Timbangan

1. Semua di atas merupakan kawasan yang mempunyai banyak pergerakan atau jumlah manusia.
2. Pembasmian atau sanitasi hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali sehari (rujuk Lampiran 7 untuk panduan pembasmian)
3. Penjarakan social hendaklah dipatuhi setiap masa semasa berurusan dengan pelanggan/pekerja/pembekal/pelawat.
4. Tidak dibenarkan pelanggan yang ramai di dalam kedai sebab ianya boleh menyukarkan pejarakan social. Pekedai hendaklah memakai penutup mulut & hidung (3-ply mask) dan sarung tangan pada setiap masa. Pengurusan kedai hendaklah mengamalkan: -
 - i. Pekedai hendaklah berurusan dengan satu orang pelanggan pada satu masa dan pelanggan-pelanggan yang lain hendaklah beratur dengan penjarakan social 1 meter.
 - ii. Pekedai boleh mengamalkan – “barangan yang dipesan dan dibayar melalui kaunter”.
 - iii. Sentuhan secara fizikal antara pekedai dan pelanggan tidak dibenarkan sama sekali.

3.17 Pelaksanaan dan Pemantauan

Untuk memastikan prosedur ini sedang dilaksanakan dan dipantau, ladang dan kilang akan membuat laporan **Ringkasan Harian** dan akan diserahkan kepada: -

- i) Estet Sabah – Mr. Kiaw Che Weng – *General Manager*
- ii) Kilang Sabah dan Sarawak – Mr. Chin Tain Sung – *General Manager* – Kilang Timur Malaysia
- iii) Estet Sarawak – Mr. Chang Sip Woon – *Assistant General Manager*.

(Jika berkenaan, gambar acara, aktiviti atau tindakan yang diambil akan dimasukkan ke dalam laporan).

COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

Contoh format laporan ringkasan harian: -

Nama Estet/Kilang:

Tarikh laporan :

1. Pemeriksaan Kesihatan dan Pemantauan

Jumlah pekerja & kakitangan yang telah diperiksa	Jumlah pelawat / pembekal / kontraktor / pengangkut / pembekal FFB yang telah diperiksa	Jumlah penduduk perumahan yang telah diperiksa	Jumlah “Arahan Tinggal Di Rumah” dan kuarantin yang telah diperiksa

2. Kes-kes

Jumlah pekerja & kakitangan yang menunjukkan simptom	Jumlah pelawat / pembekal / kontraktor / pengangkut / pembekal FFB yang menunjukkan simptom.	Jumlah penduduk perumahan yang menunjukkan simptom	Jumlah orang luar dilarang masuk

3. “Arahan Tinggal Di Rumah” dan Kuarantin

Jumlah pekerja yang dibawah “Arahan Tinggal Di Rumah”	Jumlah pesakit yang dikuarantin		

4. Suspek & Positif COVID – 19 (ditempat bekerja)

Jumlah suspek atau yang masih dalam siasatan (PUI)	Jumlah pesakit yang positif COVID - 19		

- Sila huraikan mengapa terdapat kemasukan yang ditolak.
- Sila berikan alasan mengapa ada kes di bawah “Arahan Tinggal Dalam Rumah” atau di bawah kuarantin.
- Sila huraikan tindakan yang diambil apabila terdapat seseorang yang menunjukkan simptom, disyaki atau positif COVID-19.
- Sila nyatakan jenis program kesedaran yang dijalankan untuk hari tersebut.
- Apa-apa isu atau masalah yang berkaitan.

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	15 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

4.0 Arahan kepada kakitangan dan pekerja untuk operasi yang sedang berjalan - ladang dan kilang (latihan kesedaran).

1. Taklimat kesedaran tentang Covid-19 kepada semua pekerja, kontraktor dan kakitangan hendaklah dijalankan oleh kakitangan klinik (HA), Pengurus Ladang/Kilang, atau PIC secepat yang mungkin. Bahasa yang sesuai, mudah di fahami hendaklah digunakan. Penggunaan alat bantuan pembentangan adalah di sarankan. Taklimat kesedaran akan dijalankan dalam kelompok kecil.
2. Arahan dan taklimat kesedaran yang dijalankan sama ada semasa pengambilan kehadiran sebelah pagi atau sesi latihan kumpulan kecil (tidak lebih daripada 20 orang dan mengekalkan 1 meter "jarak sosial" pada setiap sesi). Jika boleh, penyampaian maklumat yang akan dijalankan di ruang terbuka atau jika di bilik kelas / mesyuarat, semua tingkap akan dibiarkan terbuka untuk edaran.

4.1 Untuk menjelaskan kepada mereka COVID -19 simptom:

- i. Demam Panas (lebih daripada 38 °C)
- ii. Batuk
- iii. Kesukaran bernafas
- iv. Sakit kerongkong.

4.2 Untuk menjelaskan bagaimana COVID -19 ditransmisikan dalam manusia:

- i. Titisan dari seseorang dengan COVID-19 yang batuk atau bersin dalam jarak 1 meter.
- ii. Titik permukaan dan objek yang tercemar oleh titisan: dengan menyentuh permukaan atau objek yang tercemar dan kemudian menyentuh mata, hidung atau mulut
- iii. Tempoh inkubasi kini dianggarkan berkisar antara 2-14 hari

4.3 Untuk menjelaskan siapa yang berisiko tinggi terdedah kepada virus ini

- i. Warga tua
- ii. Mereka yang mempunyai penyakit sedia ada misalnya, tekanan darah tinggi, penyakit jantung, penyakit paru-paru, kanser atau kencing manis.
- iii. Kanak-kanak

4.4 Garis panduan untuk Kebersihan Tangan

Cuci tangan selalu dengan sabun dan air mengalir (sekurang-kurangnya 20 saat) dan keringkan dengan tisu atau pengering tangan, terutamanya: -

- Selepas batuk atau bersin
 - Sebelum, semasa atau selepas menyediakan makanan
 - Sebelum dan selepas makan
 - Selepas menggunakan tandas
 - Bila tangan kotor
 - Selepas menyentuh binatang atau buangnya
- i. Basuh tangan dengan sabun dan air atau sanitizer tangan berasaskan alkohol selepas apa-apa sentuhan dengan rembesan pernafasan,

COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

- ii. Alihkan barang perhiasan tangan sebelum memulakan prosedur membasuh tangan
- iii. Bilas tangan di bawah air mengalir.
- iv. Gosok tangan dengan sabun sehingga berbuih; meliputi semua permukaan tangan dan jari dengan menggunakan geseran.
- v. Basuh di bawah air yang mengalir.
- vi. Keringkan tangan dengan teliti dengan tuala atau tisu pakai buang.
- vii. Tutup pili paip tanpa sentuhan langsung dengan tangan.
- viii. Pastikan kuku jari pendek dan jangan gunakan pengilat kuku atau kuku tiruan.
- ix. Pembasmi tangan yang berasaskan alkohol boleh digunakan untuk membersihkan tangan yang tidak kotor (tidak dilihat dengan mata kasar).
- x. Sapukan sanitizer yang berasaskan alkohol ke telapak tangan dan gosok tangan bersama, meliputi semua permukaan tangan dan jari, sehingga tangan dan telapak tangan kering.

4.5 Etika

- i. Jika batuk atau bersin, gunakan tisu atau kain bersih untuk menutup mulut. Pekerja juga boleh menutup hidung dan mulut dengan membengkokkan siku.
- ii. Buang tisu yang digunakan ke dalam tong sampah.
- iii. Amalkan Prosedur membasuh tangan / pembersihan tangan.
- iv. Gunakan penutup mulut & hidung jika tidak sihat.

4.6 Menasihati pekerja dan kakitangan untuk menjaga kebersihan diri yang baik

- i. Pekerja / kakitangan dinasihatkan supaya menjaga kebersihan diri mereka; mandi 2 kali sehari, sentiasa mencuci tangan dengan sabun sebelum dan selepas makan
- ii. Memastikan halaman rumah bersih.
- iii. Mendidihkan air minuman mereka dan tidak mengambil makanan mentah
- iv. Basuh kain setiap hari.
- v. Semasa rehat berkerja, tidak makan atau bersembang secara berkumpulan tanpa penjarakkan sosial 1 meter.
- vi. Pembersihan lantai, tombol pintu dan dinding menggunakan larutan anti bakteria (mis. Dettol, Clorox atau Lysol dicairkan).
- vii. Tidak berkongsi makanan, pinggan mangkuk, sudu, cawan dan benda lain dengan individu lain.

4.7 Juga untuk memberitahu pekerja dan kakitangan mengenai: -

- i. Peraturan kerajaan semasa tempoh "Perintah Kawalan Pergerakan".
- ii. Mereka harus berada di rumah selepas waktu bekerja.
- iii. Mereka harus kembali terus ke rumah selepas bekerja.
- iv. Mengawal pergerakan anak-anak mereka.
- v. Peraturan syarikat semasa tempoh "Perintah Kawalan Pergerakan".
- vi. Sekiranya perlu, kes statistik semasa COVID – 19.


(SOP ini adalah terjemahan daripada SOP yang dibuat dalam Bahasa English, sekiranya terdapat percanggahan, SOP berbahasa English akan diggunakan).

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	17 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

Lampiran 1

Mengenalpasti symptom COVID-19.

Demam (suhu melebihi 38°C) **ATAU** jangkitan saluran pernafasan (sesak nafas, batuk sakit tekak) samaada demam ataupun tidak.



WHAT IS THE COVID-19?

COVID-19 (Coronavirus Disease 2019) is a new strain of the coronavirus that has never been previously identified. Based on current available information, human-to-human transmission of COVID-19 is via respiratory droplets or direct contact.

SYMPTOMS

- Fever
- Cough
- Breathing Difficulty

Lampiran 2, 3 & 4

Seperti yang dilampirkan pada dokumen ini.

- 1. Borang Pengisytiharan Kesihatan – nama fail:** Lampiran 2 Borang Peristiharan Kesihatan Wargakerja PPBOP.xlsx
- 2. Kad Pengenalan Pekerja & Kontraktor – nama fail** Lampiran 3 “Kad Pengenalan Pekerja”.xlsx
- 3. Pas Khas Kontraktor – Nama fail** Lampiran 4 “Pas Khas Kontraktor”

COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

Lampiran 5

Senarai Hospital yang dikhaskan untuk Covid-19 in Malaysia Timur

State	No.	Screening Hospitals	No.	Admitting Hospitals for PUI nCoV & Confirmed nCoV
Sabah	1	Hospital Queen Elizabeth I, Kota Kinabalu	1	Hospital Queen Elizabeth I, Kota Kinabalu
	2	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	2	Hospital Duchess of Kent, Sandakan
	3	Hospital Tawau	3	Hospital Tawau
	4	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas	4	Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas
	5	Hospital Keningau	5	Hospital Keningau
	6	Hospital Lahad Datu	6	Hospital Lahad Datu
Sarawak	1	Hospital Umum Sarawak, Kuching	1	Hospital Umum Sarawak, Kuching
	2	Hospital Miri	2	Hospital Miri
	3	Hospital Bintulu	3	Hospital Bintulu
	4	Hospital Sibul	4	Hospital Sibul
	5	Hospital Sarikei		

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(3)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	19 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

Lampiran 6

Pemeriksaan Kesihatan dan Pemantauan

Bagaimana

1. Suhu badan akan diambil dengan menggunakan termometer bukan sentuhan
2. Pemerhatian dan penyiasatan kepada pekerja yang mempunyai simptom
3. Diwajibkan menggunakan sanitizer yang berasaskan alkohol.
 - Menggunakan penutup mulut & hidung.
 - Tidak dibenarkan melindungi kawasan dahi semasa proses pengambilan suhu badan (contohnya pemakaian topi, bedak tatarias yang tebal, peluh atau helaian rambut)
4. Halakan termometer bukan sentuhan tepat pada dahi, kemudian berdiri secara berdepan dan kekalkan jarak sebanyak 3-5cm antara termometer dan dahi.
5. Tekan picu pengukur suhu, kemudian suhu akan ditunjukkan pada alat tersebut (=1 saat)
6. Sekiranya masih terdapat peluh pada dahi, ambil suhu pada bahagian belakang cuping telinga pada jarak 3-5 cm.

 wilmar We Invest • You Harvest	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(2)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	20 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

Lampiran 7

PANDUAN PEMBERSIHAN DAN DISINFEKSI

PERMUKAAN KERAP DISENTUH		
 Tombol pintu Suis lampu Rail tangga Papan kekunci Mesin fotostat Telefon Sinki Kepala paip Pemegang flush tandas Butang lif		
	LANTAI DAN PERMUKAAN PERALATAN	PERMAIDANI
 Kekerapan	Sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari	Sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari disemur menggunakan botol spray
 Bahan	Cecair peluntur komersial mengandungi sekurang – kurangnya 5% kepekatan Sodium Hypochloride (sila rujuk label) atau cecair mengandungi 70% alkohol atau <i>Instant wipe</i> mengandungi 70% alcohol. Setiap bancuhan hanya boleh diggunakan sekali sahaja. Larutan disinfektan yang biasa digunakan ialah larutan peluntur seperti Clorox dan larutan pencegah kuman seperti alkohol dan Dettol.	
 Peralatan	1. Penutup muka dan hidung 2. Sarung tangan 3. Mop 4. Baldi 5. Kain lap / Spray tangan / pam galas	1. Penutup muka dan hidung 2. Sarung tangan getah 3. Alat pembersih hampagas 4. Botol spray
 Teknik Bancuhan	Sukatan yang disyorkan: 1 bahagian cecair peluntur dicampur dengan bahagian air paip  111 ml peluntur + 1 liter air (atau 1 liter peluntur + 9 liter air)	
 Tatacara Kerja 	1. Mop atau menyembur lantai dengan pam galas dengan larutan cecair peluntur komersial dan biarkan lantai basah selama 5 minit. Kemudian bilas dan biarkan kering. 2. Lap permukaan peralatan yang kerap disentuh dengan larutan cecair peluntur komersial menggunakan kain lap dan biarkan ia kering. 3. Jika permukaan lantai/peralatan yang kerap disentuh kotor, bersihkan terlebih dahulu menggunakan deterjen atau sabun dan air sebelum disinfeksi.	Permaidani perlu divakum terlebih dahulu sebelum disemur dengan larutan cecair peluntur komersial menggunakan botol spray.

	Standard Operating Procedure	No Dokumen	PPB/ERP/(2)/180320202 (BM)
		Revisi	2
		Tarikh	3 April 2020
		Muka surat	21 daripada 22
COVID 19 – GARIS PANDUAN PERSEDIAAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN			

 Peringatan	1. Pastikan bancuhan cecair peluntur komersial dibancuh mengikut sukatan yang disyorkan oleh pembekal/pengeluar (Rujuk label pada botol cecair peluntur komersial). 2. Cecair peluntur komersial hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 5% kepekatan Sodium Hypochlorite (Rujuk label pada botol cecair peluntur komersial). 3. Pastikan disinfektan atau cecair peluntur komersial tidak tamat tarikh luput. 4. Bancuhan tidak boleh disimpan kerana keberkesanannya akan berkurangan setelah digunakan atau bercampur dengan bahan organik. 5. Pastikan bancuhan tidak ditambah bahan lain untuk mengelakkan sebarang tindak balas yang tidak diingini.
 Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar	SEBELUM 1. Penyelia pembersihan perlu memastikan pekerja pembersihan dalam keadaan sihat dan sedia untuk bekerja (fit to work). 2. Pekerja pembersihan perlu memakai pakaian yang sesuai seperti baju lengan panjang, berseluar panjang, berkasut mengikut kesesuaian kerja. Tanggalkan semua barangan kemas, jam tangan dan lain-lain aksesori. 3. Alat perlindungan diri (PPE) mesti dipakai pada bila-bila masa yang sesuai, terutamanya apabila bekerja. Gunakan sarung tangan yang bersesuaian/serasi (compatible) dengan produk disinfektan. SEMASA 4. Penyelia pembersihan perlu memantau dan menyelia kerja pembersihan dan disinfeksi. 5. Sentiasa memeriksa label sebelum menggunakan bahan-bahan. 6. Pastikan tingkap dibuka untuk pengudaraan yang baik semasa kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan. 7. Pastikan papan tanda keselamatan dipamerkan semasa kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan. 8. Partikan Kawasan yang hendak disinfeksi telah dikuarantinkan untuk menghalang daripada Kawasan itu dimasuki oleh orang awam 9. Pastikan permukaan lantai dikeringkan bagi mengelak berlakunya kemalangan. 10. Jangan makan, minum dan merokok. 11. Jangan sekali-kali meninggalkan peralatan tanpa kawalselia. 12. Elakkan menyentuh muka, permukaan dan objek dengan sarung tangan yang tercemar. 13. Laporkan sebarang situasi hazard (Keadaan tidak selamat) kepada penyelia pembersihan dengan serta merta. 14. Laporkan sebarang kerosakan alat perlindungan diri (PPE) kepada penyelia pembersihan. SELEPAS 1. Tangan hendaklah dicuci dengan sabun dan air sebaik sahaja menanggalkan sarung tangan dan apabila kerja pembersihan dan disinfeksi selesai.
 Panduan Kecemasan	1. Sekiranya mengalami kecederaan, kemalangan atau tindakbalas alahan yang serius, dapatkan rawatan dengan segera. 2. Semua kejadian kemalangan hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) atau Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Syarikat dengan segera.
Rujukan	1. Diadaptasi daripada FGV "Panduan Disinfeksi & Pembersihan Di Pejabat" 2. Panduan disinfeksi atau nyahkuman Kementerian Kesihatan Malaysia.